

**DOCX.MY**  
**BERITA ONLINE ANDA!**  
Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT  [www.docx.my](http://www.docx.my)

 **DOCX.MY**  
SENANG DOWNLOAD

## **GAJI MINIMUM RM1,500 MUNGKIN TIDAK DAPAT DILAKSANAKAN RAFIZI**



**PUTRAJAYA:** Pelaksanaan gaji minimum sebanyak RM1,500 yang berkuat kuasa pada 1 Julai lalu dikhuatiri akan menimbulkan risiko kenaikan inflasi bagi majikan yang mempunyai kurang dari lima pekerja.

Rafizi Ramli (Menteri Ekonomi) telah berkata, namun beliau menjangkakan kenaikan itu tidak ketara kerana ia berlaku dalam keadaan trend inflasi yang mana semakin mereda sejak sembilan bulan lalu.

“Risiko (kenaikan inflasi) memang ada tetapi saya ingat semasa kerajaan membuat keputusan itu sebenarnya mereka telah menjalankan unjuran.

“Jadi ia berlaku dalam keadaan trend inflasi semakin mereda dan ia turun selama sembilan bulan berturut-turut dan inflasi sekarang untuk Mei adalah 2.8 peratus ialah paling rendah,” katanya ketika ditemui selepas Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Ekonomi di sini, hari ini.

Kata Rafizi Ramli, apa yang penting kini adalah kenaikan inflasi dapat ditampung oleh kenaikan gaji yang setimpal dengan nilai kerja.

Rafizi telah berkata bahawa apa yang telah berlaku sekarang ini adalah kenaikan gaji tidak dapat menanggung kenaikan harga barang.

“Sebab itu, kenaikan gaji minimum itu dapat menyeimbangkan kenaikan inflasi. Sebagai kerajaan, kita ada kenaikan gaji menerusi pelaksanaan gaji minimum,” katanya.

Kata Menteri Ekonomi lagi, kerajaan juga akan berusaha sedaya upaya mengimbangi risiko kenaikan inflasi pada tahap lebih sihat iaitu sekitar dua peratus.

Penguatkuasaan gaji minimum di bawah Perintah Gaji Minimum (PGM) 2022 itu melibatkan semua sektor termasuk perladangan, pertanian dan pembuatan kecuali perkhidmatan domestik dan aprentis.

Berdasarkan keputusan yang diumumkan kerajaan sebelum ini, penguatkuasaan tersebut ditangguhkan selama enam bulan berbanding pada tarikh awal yang ditetapkan iaitu 1 Januari 2023.

Pelaksanaan gaji minimum baharu itu ia telahpun diluluskan kerajaan pada 19 Mac 2022 dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Persekutuan yang dikeluarkan Jabatan Peguam Negara pada 27 April 2022.